

ANALISIS PENGARUH TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP DALAM KALANGAN GURU MUSLIM DI SUNGAI BULOH TERHADAP PINJAMAN BERASASKAN RIBA

ANALYSIS OF THE INFLUENCE OF LEVEL OF KNOWLEDGE AND ATTITUDE AMONG MUSLIM TEACHERS IN SUNGAI BULOH ON USURY-BASED LOANS

Azarudin Bin Awang¹
Hazwani Binti Mohamad Safiei²

¹Akademi Kontemporari Pengajian Islam (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia,
(E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

²Akademi Kontemporari Pengajian Islam (ACIS), UiTM Cawangan Selangor, Malaysia,
(E-mail: hzwnisfiei@gmail.com)

Article history

Received date : 12-12-2021
Revised date : 13-12-2021
Accepted date : 15-2-2022
Published date : 15-3-2022

To cite this document:

Awang, A., & Mohamad Safiei, H. (2022). Analisis Pengaruh Tahap Pengetahuan dan Sikap dalam Kalangan Guru Muslim di Sungai Buloh Terhadap Pinjaman Berasaskan Riba. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 1 - 12.

Abstrak: *Transaksi ekonomi berasaskan riba merupakan salah satu aktiviti yang telah dijalankan sebelum kedatangan Islam lagi dan ianya masih dipraktikkan sehingga sekarang. Dari perspektif agama samawi, aktiviti ekonomi berasaskan riba mendatangkan implikasi yang buruk dan ketidakadilan khususnya kepada peminjam. Penjawat awam merupakan kelompok yang memperolehi pendapatan yang tetap biarpun negara berhadapan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu. Di Malaysia, guru merupakan kelompok penjawat awam yang terbesar yang meliputi satu pertiga dari jumlah keseluruhan. Objektif kajian ini ialah melihat tahap pengetahuan dalam kalangan guru Muslim tentang asas-asas konsep riba. Selanjutnya melihat pengaruh pengetahuan dalam menentukan sikap mereka dalam melakukan pinjaman atau transaksi sesuatu produk yang ditawarkan oleh bank. Kajian ini dilakukan melalui teknik persampelan kajian dengan kaedah soal selidik digunakan sebagai metod kajian. Justeru, seramai 255 orang guru Muslim di daerah Sungai Buloh dipilih sebagai peserta kajian. Hasil dapatan menunjukkan majoriti guru-guru Muslim di daerah Sungai Buloh mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pengharaman riba, namun dalam perkara yang lebih khusus didapati tahap pengetahuan mereka adalah sederhana. Mengambil kira pengetahuan guru terhadap larangan agama melibatkan diri dalam apa-apa bentuk aktiviti yang mengandungi unsur-unsur riba, didapati sikap mereka cukup berhati-hati dalam memilih transaksi di bank.*

Kata Kunci: *Tahap Pengetahuan, Sikap, Guru-Guru, Sungai Buloh, Riba*

Abstract: *Economic transactions based on usury are one of the activities that have been carried out before the advent of Islam and it is still practiced today. From the perspective of celestial religion, economic activities based on usury have adverse implications and injustice especially to the borrowers. Civil servants are a group that earns a steady income even though*

the country is facing an uncertain economic environment. In Malaysia, teachers are the largest group of civil servants, comprising one-third of the total. The objective of this study was to look at the knowledge among Muslim teachers about the basics of the concept of riba. Furthermore, look at the influence of knowledge in determining their attitude to make a loan or transaction of a product offered by the bank. This study was conducted through research sampling technique with questionnaire method used as research method. Thus, a total of 255 Muslim teachers in the Sungai Buloh district were selected as study participants. The findings show that the majority of Muslim teachers in the Sungai Buloh district have a high level of knowledge about the basics of usury, but in more specific matters it is found that their level of knowledge is moderate. Taking into account the knowledge of teachers on the religious prohibition of engaging in any form of activity that contains elements of usury, it was found that their attitude is quite cautious in choosing transactions in the bank.

Keywords: *Level of Knowledge, Attitude, Teachers, Sungai Buloh, Usury*

Pendahuluan

Mengambil kira Islam merupakan agama yang dianuti oleh majoriti penduduk di Malaysia, dengan demikian tidak menghairankan bentuk-bentuk muamalat Islam mendapat perhatian dan diaplikasi dalam pengurusan perniagaan. Matlamat pelaksanaan muamalat Islam dalam urusan-urusan yang menyentuh kehidupan manusia adalah bertujuan menjaga Maqasid Syariah yang mencakupi penjagaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Oleh kerana sistem kewangan Islam di Malaysia telah berakar umbi sejak 35 tahun yang lalu, masyarakat Muslim di Malaysia mempunyai alternatif yang tepat untuk melibatkan diri muamalat Islam apabila ia telah berkembang dengan pesat.

Namun begitu, masih ramai dalam kalangan masyarakat Muslim yang terlibat dalam sistem kewangan konvensional yang bercanggah dengan syariat Islam. Muhammad Nuruddin Amiron, Naib Pengerusi Dewan Perkasa Ekonomi Islam Nusantara (DPEIN) menyatakan bahawa komuniti Muslim di negara ini kelihatan tidak dapat lari daripada dibelenggu dengan 'riba' biarpun menyedari bahawa aktiviti tersebut merupakan satu tindakan yang tidak dibenarkan dalam agama (Mohd Zaini, 2018). Malah, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda mendedahkan bahawa terdapat ramai dalam kalangan penjawat awam dalam kalangan Muslim membuat pinjaman dengan Ah Long yang mengenakan kadar bunga yang berlipat kali ganda (Sinar Harian 2021). Berkait dengan ini, Mohd Faizal et al. (2019), menjelaskan bahawa bagi peniaga atau pengguna Muslim, kaedah kewangan Islam adalah penting bagi memastikan produk yang dihasilkan dijamin halal selain matlamat untuk mendapat keberkatan. Tuntasnya, implikasi amalan buruk riba kepada masyarakat cukup besar kerana ia merupakan satu bentuk eksploitasi kekayaan secara tidak wajar kepada orang yang berhutang, berlakunya monopoli terhadap sumber daya, menghalang produktiviti manusia bahkan menjadi salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya inflasi (Lailatul 2020). Justeru, tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat tahap pengetahuan kakitangan kerajaan khususnya dalam kalangan guru Muslim di daerah Sungai Buloh tentang asas-asas konsep riba. Selanjutnya melihat pengaruh pengetahuan dalam menentukan sikap mereka dalam melakukan pinjaman atau transaksi sesuatu produk yang ditawarkan oleh bank. Kajian ini penting kepada masyarakat Islam kerana sumber perbelanjaan dan kaedah membelanjakan harta menjadi faktor yang menyebabkan halal, haram, sah dan batal sesuatu transaksi yang dilakukan.

Kajian Literatur

Perkataan riba berasal daripada bahasa Arab dari kata dasar (ر - ب - و) (yang memberi maksud زياده iaitu “bertambah, tumbuh, berkembang atau melebihi (Ibnu Manzur 2001). Dalam bahasa Melayu, riba dijelaskan sebagai bunga berganda yang membebankan kepada peminjamnya (Kamus Dewan 2015). Namun menurut istilah, riba bermaksud pengambilan tambahan dari modal atau harta pokok dengan secara batil sama ada sedikit atau pun banyak (Asyraf et al. 2008). Dalam bahasa Inggeris riba dinyatakan sebagai ‘usury’ yang bermaksud “*the practice of lending money to people at unfairly high rates of interest*” (Horby 2000).

Ulama-ulama fiqh dari Syafi’iyyah menyatakan riba merupakan satu bentuk kontrak pertukaran tertentu yang tidak diketahui persamaannya pada syarak ketika kontrak itu berlaku, atau berlakunya kelewatan dalam pertukaran barang. Manakala ulama-ulama fiqh dari kelompok Hanafiyah menjelaskan bahawa riba merupakan satu lebihan yang diperoleh dari sebarang pertukaran yang telah disyaratkan terlebih dahulu daripada satu pihak yang melakukan kontrak pertukaran tersebut. Golongan Hanabilah pula menjelaskan bahawa riba adalah satu bentuk lebihan yang berlaku pada barang kerana penangguhannya. Manakala kelompok Malikiyah menjelaskan riba merupakan larangan yang tegas, mutlak, dan tidak perlu dilakukan penafsiran lagi (Muhammad Ikhlas et al.; 2018, Achmad Saeful dan Sulastri, 2021).

Tuntasnya, ijma’ ulama sepakat menyatakan bahawa amalan riba tidak akan mendapat keredhaan Allah, pelakunya berada dalam kedosaan, tidak dibenarkan dan hukumnya adalah haram. Dasar keharaman riba ini adalah kerana ia mengambil harta orang lain tanpa hak, melemahkan daya kreativiti manusia untuk berusaha, membuka ruang kepada pemborosan dan penimbunan kepada harta, mendorong kepada permusuhan dan; menghilangkan nilai keadilan dan kebaikan dalam urusan pinjam meminjam yang lazimnya berlakunya antara orang kaya dan orang miskin (Ade Jamarudin et al., 2020). Secara realitinya, praktis riba memiliki sejarah yang cukup lama yakni bermula bangsa Yunani, zaman pra Islam dan awal Islam lagi. Plato dalam catatannya mengkritik dan mengecam amalan riba kerana ia mewujudkan perpecahan, pertikaian dan rasa tidak puashati dalam kalangan masyarakat. Ini kerana kelompok kaya mengambil kesempatan untuk membina kekayaan dengan melakukan penindasan ke atas golongan miskin. Justeru, Aristotle berpandangan wang merupakan satu alat untuk melakukan tukar barang bukannya alat untuk menambahkan kekayaan melalui bunga (Ipandang dan Andi 2020). Bahkan larangan mengambil riba juga didapati dalam ajaran Yahudi dan Kristian, kitab Exodus 22:25 misalnya menjelaskan “*If you lend money to one of my people among you who is needy, do not like be a moneylender, charge him no interest*”. Selanjutnya dalam The New Testament, Injil Luke 6: 34-35 (rujukan agama Kristian) terdapat ayat juga yang kandungannya melarang amalan riba “*And if you lend to those from whom you expect repayment, what credit is that to you? Even ‘sinners’ lend to ‘sinners’, expecting to be repaid in full. But love your enemies, do good to them, and lend to them without expecting to get anything back. Then your reward will be great and you will be sons of the Most High because he is kind to the ungrateful and wicked*”.

Di dalam al-Quran, perkataan riba dinyatakan sebanyak lapan kali dalam empat surah iaitu satu kali dalam surah al-Rûm pada ayat yang 39, satu kali dalam surah Annisâ’ ayat 161, satu kali dalam surah Âli ‘Imrân ayat 130, tiga kali dalam surah al-Baqarah ayat 275, satu kali dalam ayat 276 dan satu kali dalam ayat 278 dalam surah yang sama (Mujar 2011) yang memberi maksud ‘mengambil lebih banyak dari yang diberikan atau tambahan terhadap sesuatu’. Oleh kerana amalan riba mengundang pelbagai implikasi buruk kepada pelakunya seperti terjerat dalam lembah berhutang yang tidak pernah selesai, mengajar kepada sifat boros, hilangnya rasa

empati diri terhadap kesusahan orang lain dan hilangnya berkat harta (Munir 2020), justeru ayat 275-278 surah al-Baqarah diturunkan memerintahkan agar umat Islam meninggalkan amalan riba yang merupakan aktiviti yang lazim dilakukan ketika zaman Jahiliyyah. Kisah ini bertitik tolak dari Al-Abbas dan Khalid bin Walid yang bekerjasama memberikan pinjaman kepada beberapa orang suku Tsāqif dengan mengenakan riba ke atas mereka. Setelah mereka memeluk Islam, turun ayat tersebut mengarahkan supaya meninggalkan segala saki-baki amalan riba (Al-Sobuni 2017). Perkataan berlipat ganda iaitu *'ad'afan mudha'afatan'* dalam surah al-Baqarah dijelaskan sebagai hutang yang bertambah sehingga menjadi berlipat kali ganda kerana kelewatan membayar pada masa yang ditetapkan (Achmad Saeful dan Sulastrri, 2021). Mengambil kira mudharat amalan riba sangat besar kepada pengamalnya, Rasulullah dengan tegasnya menyatakan bahawa riba merupakan salah satu daripada tujuh dosa besar. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

"Jauhilah tujuh dosa besar, syirik, sihir, membunuh tanpa hak, makan harta anak yatim, makan riba, lari dari medan peperangan (kerana takut) dan menuduh perempuan yang suci dengan zina (tanpa saksi adil)" (Bukhari 1972)

Secara umumnya, dalam bentuk transaksi riba terbahagi kepada dua jenis iaitu riba al-Duyun dan riba al-Buyū'. Riba al-Duyun merupakan penambahan yang dikenakan kerana berlakunya penundaan pembayaran ke atas peminjaman (Aini 2020). Menurut Achmad Saeful dan Sulastrri (2021), riba al-Duyun terbahagi kepada 2 bahagian iaitu riba al-Qardh iaitu manfaat tambahan yang dikenakan kepada peminjam berdasarkan jumlah pokok pinjaman yang diberikan. Bahagian kedua pula ialah Riba al-Jahiliyyah iaitu sebarang manfaat tambahan yang dikenakan dengan nilai lebih dari jumlah pokok yang dikenakan kepada peminjam disebabkan peminjam gagal melunaskan pinjaman pada waktu yang telah dipersetujui tempohnya. Manakala riba al-Buyu' merupakan penambahan yang berlaku di dalam sesuatu kontrak pertukaran satu komoditi yang sama dengan jumlah yang tidak setara. Riba al-Buyū' pula merupakan riba yang menyentuh muamalat yang berlaku dalam jual beli dan pinjaman kewangan juga dibahagikan kepada dua bahagian iaitu riba al-Nasi'ah dan riba al-Fadl (Munir 2020). Bahagian pertama merupakan satu bentuk pertukaran dua barangan yang mengandungi ribawi atau jual beli yang sama jenis dan pertukaran tersebut dibuat secara tangguh yakni tidak disempurnakan dalam satu masa. Manakala riba al-Fadl merupakan kelebihan harta (keuntungan) yang diperolehi dari satu pihak ke atas pihak yang lain ketika transaksi tukar barang atau jual beli dalam jenis yang sama (Achmad Saeful dan Sulastrri, 2021).

Islam telah meletak garis panduan dan hubungan yang jelas di antara urusan yang menyentuh kepercayaan agama dengan perniagaan. Etika Islam yang perlu ditonjolkan dalam muamalat bukan sekadar saling melengkapi, sebaliknya merupakan dua aspek yang tidak wajar dipisahkan (Mohd Faizal et al., 2019). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-89 yang bersidang pada 14-16 Disember 2009 telah bahawa dalam memartabatkan sistem muamalat berlandaskan syariah yang bebas dari gharar, judi dan riba sewajarnya memerlukan sokongan umat Islam. Bahkan orang Islam adalah dilarang melakukan sebarang promosi produk-produk kewangan konvensional yang jelas berasaskan sistem riba (Norunnajjah dan Mohd Safari 2016). Apa yang pasti masyarakat Muslim di negara ini tidak terlepas melakukan pinjaman dan pembelian bagi keperluan hidup seperti pinjaman perumahan, kenderaan, pelaburan, insuran atau simpanan kewangan yang sememangnya amat mudah terdedah kepada unsur-unsur riba. Namun, faktor-faktor sibuk dengan urusan kerja, sikap mengambil mudah, malas mengambil tahu mendorong ramai dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia terjebak secara tidak langsung dengan riba

(Zaharuddin 2016). Ini bermakna terdapat dalam kalangan masyarakat Muslim yang tidak mengambil berat terhadap riba kerana beranggapan urusan tersebut sememangnya tiada kaitan dengan agama. Justeru, Norunnajjah dan Mohd Safari (2016) mendapati ramai dalam kalangan masyarakat Islam terlibat dengan riba kerana tidak memperolehi pengetahuan dan kefahaman baik tentang produk kewangan Islam. Beliau menjelaskan lagi bahawa faktor utama responden tidak menyertai skim perlindungan takaful kerana mereka tidak memperolehi maklumat yang jelas mengenainya. Malahan dalam kalangan peserta takaful juga masih tidak mempunyai kefahaman dan persepsi yang baik tentang sistem takaful itu sendiri. Salah faham terhadap produk kewangan mencetuskan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Muslim sendiri. Begitu juga, kajian yang dilakukan oleh Razak et al. (2013) mendapati, antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pelanggan Muslim terhadap produk insuran yang bebas daripada riba dan gharar dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia adalah persepsi, ciri-ciri produk, promosi serta faedah dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Pendidikan tentang halal dan haram dalam muamalat serba sedikit telah diajar pada peringkat sekolah dan selanjutnya pada peringkat yang tinggi bagi memastikan umat Islam sentiasa berada dalam landasan agama dan selanjutnya memperolehi redha Allah. Pada peringkat sekolah lagi, ternyata guru berperanan menyalurkan maklumat awal tentang halal haram dalam muamalat Islam. Majoriti penjawat awam di Malaysia merupakan warga negara yang beragama Islam. Berdasarkan laporan sehingga 2017, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman menyatakan jumlah penjawat awam di Malaysia dianggarkan seramai 1.6 juta orang dan kluster guru merupakan antara kelompok kakitangan kerajaan yang terbesar (Suhaila 2017).

Secara umumnya, kajian lepas yang dijalankan di Malaysia juga menunjukkan tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam terhadap sistem transaksi yang bebas daripada riba masih berada di tahap yang sederhana (Maslina, 2015). Namun, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tentang amalan transaksi patuh syariah dalam kalangan guru misalnya kajian yang dilakukan oleh Ananda et al. (2020) di Indonesia mendapati kesedaran dalam kalangan guru Muslim untuk menyimpang wang di bank yang menawarkan skim bebas riba adalah tinggi. Beliau mendapati tahap pengetahuan yang tinggi tentang pengharaman riba membolehkan maklumat dapat disampaikan dengan baik kepada pelajar-pelajar. Begitu juga, kajian yang dilakukan oleh Khadijah (2016) ke atas 38 guru di sekolah pondok mendapati pengetahuan guru tentang pengharaman riba mempengaruhi mereka untuk menabung di bank syariah. Kajian yang dilakukan oleh Nor Amira (2018) ke atas 260 orang guru di Padang Terap juga mendapati kesedaran guru tentang kandungan aqad dalam kontrak kewangan Islam adalah tinggi. Guru merupakan kelompok yang menyalurkan pengetahuan, meluaskan kefahaman dan mendidik anak bangsa untuk menghayati nilai-nilai yang baik kepada anak bangsa. Kegagalan golongan pendidik menyalurkan maklumat yang benar tentang muamalat yang dilarang di dalam agama seperti gharar, judi dan riba ini pasti memberi implikasi buruk kepada generasi yang berikutnya. Justeru kajian ini dilakukan bagi meninjau tahap pengetahuan, kefahaman dan kesedaran dalam kalangan guru Muslim di daerah Sungai Buloh, Selangor tentang transaksi riba.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang dikategorikan sebagai kajian kes iaitu penyelidikan yang dijalankan secara intensif oleh penyelidik ke atas unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat (Abdul Majid 2009). Reka bentuk kajian dibangunkan adalah bersifat *purposive sampling* iaitu merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri yang sama sebagaimana yang dikehendaki oleh penyelidik.

Sampel dan Persampelan

Mengambil kira guru merupakan kumpulan kakitangan sektor kerajaan yang terbesar di Malaysia dengan demikian pengkaji memilih kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan yakni merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Mokhtar 2011). Justifikasi Sungai Buloh dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia dikira sebagai kawasan sub bandar yang didiami majoriti penduduknya daripada komuniti Melayu yang beragama Islam. Oleh itu, pemilihan guru-guru di kawasan tersebut adalah mewakili kawasan bandar dan kampung. (Mohhairil et al. 2018). Fokus kajian ialah hanya guru-guru Muslim di sekolah rendah dan menengah di Sungai Buloh, Selangor. Populasi sebenar guru-guru di sekolah tersebut adalah dianggarkan berjumlah seramai 300 orang. Berdasarkan jadual Krecie & Morgan (1970), sekiranya populasi 300 orang, saiz sampel mencukupi dengan jumlah 169 orang sahaja. Justeru, berdasarkan jumlah populasi seramai 300 orang dengan jumlah sampel yang diperolehi seramai 255 orang, bermakna jumlah yang diperolehi melepasi saiz sampel sebagaimana yang dicadangkan oleh Krecie & Morgan.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik yang telah dilakukan semakan pakar. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat Demografi Responden, bahagian B: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Riba, C: Tahap Kefahaman Responden Tentang Riba dan D: Sikap dan persepsi Responden terhadap Amalan Riba. Ujian kebolehpercayaan juga dilakukan ke atas item-item berkaitan persepsi dan sikap guru terhadap riba. Hasil dapatan keputusan *Cronbach's Alpha* menunjukkan bacaan 0.769. Justeru, menurut Pallant (2007), semakin hampir *reliability coefficient* kepada 1.0, dengan demikian kebolehpercayaannya adalah lebih tinggi. Ini bertepatan dengan indek Rowntree yang menyebut tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat dan merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Sunawari 2009).

Analisis Kajian

Secara keseluruhan, data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Analisis min dan s.p dilakukan ke atas soalan likert lima iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Apabila skala ini dibahagikan kepada tiga tahap, angka berikut menjadi indikator kepada:

Skor	Tahap Skala
1.00-2.49	Rendah
2.50-3.49	Sederhana
3.50-5.00	Tinggi

Sumber: Yasmoon dan Razaleigh (2019)

Hasil Kajian dan Perbincangan

Demografi Responden

Responden berjumlah 255 orang yang terdiri daripada 93 orang guru lelaki (36.1%) dan 162 orang guru wanita seramai (63.5%). Kebanyakan daripada responden adalah berumur 40-49 tahun dengan jumlah 37.3%, diikuti kelompok yang berumur 50-59 tahun sebanyak 20%, yang berumur 30-39 tahun sebanyak 24.3%, yang berumur 20-29 tahun sebanyak 16.5% manakala yang melebihi umur 60 tahun hanya 2% sahaja. Kebanyakan daripada responden adalah terdiri daripada kumpulan yang telah berkahwin iaitu sebanyak 74.9%, kelompok bujang sebanyak 22.7% dan kategori janda atau duda berjumlah 2% sahaja. Peratus guru yang berkhidmat di sekolah rendah pula berjumlah 49.4% manakala yang berkhidmat di sekolah menengah pula berjumlah 50.6%. Guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut terdiri dalam pelbagai bidang iaitu sebanyak 12.5% dalam bidang bahasa Melayu, 10.6% dalam bahasa Inggeris, 13.7% dalam bidang Matematik, 3.5% dalam bidang Perakaunan, 14.1% dalam bidang Sains, 12.9 dalam bidang Pendidikan Islam, 14.9% dalam bidang bahasa Arab dan lain-lain berjumlah 17.6%. Maklumat yang dinyatakan ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 1 dibawah:

Jadual 1: Demografi Responden

Bil.	Kategori	Perkara	Kekerapan	Peratusan
1	Jantina	Lelaki	93	36.1%
		Perempuan	162	63.5%
2	Umur	20-29 Tahun	42	16.5%
		30-39	62	24.3%
		40-49	95	37.3%
		50-59	51	20%
		60-69	5	2%
3	Taraf Perkahwinan	Bujang	59	22.7%
		Berkahwin	191	74.9%
		Janda/Duda	5	2%
4	Sekolah	Sekolah Rendah	126	49.4
		Sekolah Menengah	129	50.6
5	Bidang	Bahasa Melayu	32	12.5%
		Bahasa Inggeris	27	10.6%
		Matematik	35	13.7%
		Perakaunan	9	3.5%
		Sains	36	14.1%
		Pendidikan Islam	33	12.9%
		Bahasa Arab	38	14.9%
		Lain-Lain	45	17.6%

Tahap Pengetahuan Terhadap Riba

Pengetahuan orang ramai tentang pengharaman riba boleh diperolehi melalui beberapa saluran antaranya pendidikan, media, persekitaran, pengalaman kerja dan usia. Rahma Sari Harapan (2020) mendapati tahap pengetahuan dan pemahaman yang rendah tentang ribawi dalam kalangan pengguna Muslim menyebabkan persepsi dan sikap mereka untuk melibatkan diri dalam transaksi di bank-bank Islam adalah rendah. Berdasarkan jadual 2 di bawah, majoriti responden mengakui bahawa mereka biasa mendengar perkataan riba. Hasil dapatan menunjukkan bahawa min yang diperolehi ialah 4.52 mata dengan s.p (0.74) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga soalan yang seterusnya majoriti responden mengakui bahawa mereka mengetahui asas konsep riba dengan baik apabila min yang diperolehi ialah 4.23 mata dengan s.p (0.86). Majoriti responden mengakui bahawa amalan riba merupakan sesuatu perkara yang dilarang dalam agama. Ini dibuktikan apabila min yang diperolehi ialah 4.60 dengan s.p (0.75). Selanjutnya responden mengakui bahawa terdapat dua jenis riba dalam jual beli iaitu riba ad-Duyun dan riba al-Buyu'. Biarpun mata min yang diperolehi 3.59 dengan s.p (1.11), ia menunjukkan tahap pengetahuan responden masih berada pada tahap yang tinggi. Namun, bagi soalan yang selanjutnya responden yang mengetahui secara lebih spesifik tentang riba al-Duyu' hanya berada pada tahap yang sederhana apabila skor min yang diperolehi 3.33 mata dengan s.p (1.21). Begitu juga tahap pengetahuan responden tentang jenis riba al-Duyu' yang dibagikan kepada al-Qard dan al-Jahiliyyah. Perolehan min 3.16 dengan s.p (1.21) menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya responden ditanya pengetahuan mereka tentang riba al-Buyu'. Perolehan min mata 3.21 dengan s.p (1.25) menunjukkan tahap pengetahuan mereka berada dalam skala yang sederhana. Soalan seterusnya responden ditanya tentang jenis riba al-Buyu' iaitu riba al-Nasihah dan riba al-Fadl. Ternyata hasil dapatan menunjukkan tahap pengetahuan mereka juga berada pada skala yang sederhana apanila min yang diperolehi hanya 3.15 dengan s.p (1.25). Majoriti responden mengakui bahawa amalan riba merupakan satu bentuk aktiviti yang mementingkan diri individu tertentu. Ini dibuktikan apabila min yang diperolehi ialah 4.57 dengan s.p (0.78). Kesemua ini dijelaskan dalam jadual 2 dibawah:

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Riba

Bil	Soalan	Min	SP	Tahap
1	Saya biasa mendengar perkataan riba	4.52	0.74	Tinggi
2	Saya tahu asas konsep dalam riba dengan baik	4.23	0.86	Tinggi
3	Saya tahu mengenai larangan riba dalam Islam	4.60	0.75	Tinggi
4	Saya tahu riba terbahagi kepada dua iaitu riba al-Duyun dan riba al-Buyu'	3.59	1.11	Tinggi
5	Saya pernah mendengar tentang Riba al-Duyun	3.33	1.21	Sederhana
6	Saya tahu riba al-Duyun terbahagi kepada riba al-Qard dan riba al-Jahiliyyah	3.16	1.21	Sederhana
7	Saya pernah mendengar tentang Riba al-Buyu'	3.21	1.25	Sederhana
8	Saya riba al-Buyu' terbahagi kepada riba al-Nasihah dan riba al-Fadl	3.15	1.25	Sederhana
9	Saya tahu amalan riba merupakan satu bentuk amalan yang mementingkan diri	4.57	0.78	Tinggi

Tahap Kefahaman Responden Terhadap Riba

Kajian yang dilakukan oleh Haida et al. (2021), menjelaskan bahawa kurangnya kefahaman dalam kalangan komuniti Muslim mengenai sistem perbankan Islam yang bebas riba disamping penawaran dari bank konvensional yang cukup kompetitif menjadi faktor yang mengekang mereka untuk terlibat dalam perbankan syariah. Berkait dengan ini, sebanyak enam soalan ditanya kepada responden bagi melihat tahap kefahaman mereka tentang beberapa perkara menyentuh aspek riba. Bagi soalan yang menyentuh pemahaman responden tentang riba al-Duyun, ternyata dapatan min 3.09 dengan s.p (1.19) menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana. Begitu juga dengan soalan yang berikutnya, dapatan 3.03 dengan s.p (1.14) juga menunjukkan tahap pemahaman mereka terhadap riba jenis ini berada pada tahap yang sederhana. Justeru, responden menjelaskan bahawa mereka dapat membezakan dua jenis riba ini pada tahap yang sederhana apabila skor min yang diperolehi menunjukkan bacaan pada 3.12 dengan s.p (1.26). Namun responden dapat membezakan dengan baik jenis 'sistem' yang diamalkan oleh sesebuah bank di Malaysia adalah tinggi dengan mata min yang diperolehi menunjukkan bacaan 4.03 dengan s.p (0.92). Dalam apa jua transaksi di bank, responden mengakui bahawa mereka dapat mengenal pasti kewujudan unsur-unsur riba atau sebaliknya. Ini dibuktikan apabila hasil min yang diperolehi berada pada bacaan 3.87 dengan s.p (0.99). Implikasi daripada kefahaman yang baik tentang keharaman riba, didapati majoriti responden bersetuju untuk mengelakkan muamalat yang mengandungi unsur riba apabila min yang diperolehi ialah 4.61 dengan s.p (0.69). Berdasarkan hasil kajian, didapati walaupun guru-guru Muslim memahami konsep riba pada skala yang sederhana namun mereka cuba mengelakkan melibatkan diri dalam transaksi bank yang mengandungi unsur riba. Dapatan kajian ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 3 seperti di bawah:

Jadual 3: Tahap Kefahaman Responden Terhadap Unsur Ribawi

Bil	Soalan	Min	SP	Tahap
11	Saya dapat menjelaskan dengan baik tentang makna riba al-Duyun	3.09	1.19	Sederhana
12	Saya dapat menjelaskan dengan baik tentang makna riba al-Buyu'	3.03	1.14	Sederhana
13	Saya dapat membezakan antara riba al-Duyun dan riba al-Buyu'	3.12	1.26	Sederhana
14	Saya boleh membezakan sistem konvensional dan secara Islamik bank-bank di Malaysia	4.03	0.92	Tinggi
15	Saya dapat mengenal pasti kewujudan unsur riba dalam sebarang transaksi atau aktiviti apa pun	3.87	0.99	Tinggi
16	Saya cuba mengelakkan sebarang aktiviti yang disebabkan oleh riba kerana saya faham kesan riba akan merosakkan hidup saya di dunia dan akhirat	4.61	0.69	Tinggi

Sikap dan Persepsi Terhadap Amalan Riba

Sikap dan persepsi terhadap layanan dan produk yang ditawarkan samada mengandungi riba atau tidak kerap kali dibatasi oleh ajaran agama. Pengetahuan tentang perbankan syariah menjadikan mempengaruhi pengguna Muslim untuk cenderung memilih dan menggunakan pinjaman yang bebas dari unsur riba (Rizky, 2018). Justeru, responden ditanya tentang beberapa soalan tentang sikap dan persepsi mereka terhadap transaksi yang mengandungi riba. Majoriti responden bersetuju untuk memilih produk berasaskan Islam ketika melakukan transaksi di bank. Hasil bacaan min dengan bacaan 4.46 dengan s.p (0.83) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Responden juga diuji dengan soalan samada menggunakan insuran takaful atau bersifat konvensional. Bacaan min 4.30 dengan s.p (1.01) menunjukkan majoriti responden memilih produk takaful kerana ia bebas daripada unsur riba. Responden juga mengakui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan dua sistem dalam pengurusan kewangan iaitu sistem konvensional dan sistem perbankan Islam. Hasil dapatan min 4.38 dengan s.p 0.80 menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Kebanyakan responden merasai amalan riba akan memberi kesan yang tidak baik kepada ekonomi negara. Ini dibuktikan apabila bacaan min menunjukkan 4.56 dengan s.p (0.79). Responden juga mengakui bahawa masih terdapat dalam kalangan masyarakat Muslim di sekitar masih terlibat dengan amalan riba. Pengakuan mereka ini dibuktikan apabila min yang diperolehi ialah 4.21 dengan s.p (0.86). Ini dijelaskan dalam jadual 4 dibawah:

Jadual 4: Sikap dan Persepsi Responden terhadap Amalan Riba

Bil	Soalan	Min	SP	Tahap
17	Saya memilih Bank yang menjalankan sistem Islam daripada Bank Konvensional apabila saya ingin membeli aset saya seperti rumah dan kereta	4.46	0.83	Tinggi
18	Saya memilih Takaful daripada insurans konvensional untuk insurans saya	4.30	1.01	Tinggi
19	Saya menyedari bahawa Malaysia adalah salah satu negara yang setengah institusi menawarkan produk tanpa faedah (riba)	4.38	0.80	Tinggi
20	Saya rasa amalan riba memberi kesan negatif terhadap ekonomi	4.56	0.79	Tinggi
21	Saya rasa masih terdapat dalam masyarakat Muslim kurang memahami riba	4.21	0.86	Tinggi

Kesimpulan

Bagi menjaga hak-hak sebagaimana yang terkandung dalam maqasid syariah, Islam melarang apa jua bentuk transaksi yang mengandungi unsur-unsur ribawi kepada semua Muslim. Berdasarkan dapatan kajian, pengetahuan guru-guru Muslim tentang asas-asas keharaman riba di Sungai Buloh berada pada sekala yang tinggi. Namun pengetahuan dan kefahaman guru-guru Muslim yang menyentuh aspek-aspek khusus seperti konsep riba al-Duyun dan riba al-Buyu' berserta jenis memperlihatkan ia berada pada tahap yang sederhana. Ternyata tahap pengetahuan guru-guru yang baik tentang riba membuat mereka berhati-hati dalam memilih produk atau transaksi yang ditawarkan oleh sesebuah bank.

Rujukan

- Abdul Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achmad Saeful dan Sulastri. (2021). Riba Dan Bunga Bank Dalam Perspektif Islam. *Madani Syari'ah*, 4 (1), 40-53.
- Ade Jamarudin , M. Khoirul Anam dan Ofa Ch. Pudin. (2020). Bahaya Riba Dalam Ekonomi Islam Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Shidqia Nusantara*, 1(1), 94-114.
- Ahmad Sunawari Long, 2009. *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ahmat, N., & Sarodin, M. S. (2016). Tahap Kesedaran Penjawat Awam Islam Terhadap Kepentingan Takaful Hayat. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 9(2), 135-148.
- Aini, I. (2020). Wawasan Al-Qur'an Dan Hadis Tentang Riba. *Nahdatul Iqtishadiyah*, 1(1), 1-23.
- Al-Sobuni, Muhammad Ali. *Sowfat Al-Tafāsir*. 2017. Beyrouth: Maktabah Alassrya.
- Asyraf Hj. Ab Rahman, Fadzli Adam dan Nizaita Omar. (2008). *Islam Dan Ekonomi*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu ʿAbd Allah. (1972). *JamiʿAl-Sahih*. Qaherah: Al-Matbaʿah al-Salfiyah Wa-maktabahah.
- Haida, N., Pratama, G., Sukarnoto, T., & Widiawati, W. (2021). Pengaruh Pemahaman Masyarakat Tentang Riba Terhadap Minat Bertransaksi Di Bank Syariah. *Ecobankers: Journal of Economy and Banking*, 2(2), 131-139.
- Harahap, R. S. (2020). Pengaruh Pengetahuan Tentang Riba dan Religiusitas Terhadap Keputusan Menjadi Nasabah di Bank Syariah (Studi Kasus Tenaga Pendidik Pesantren Al-Ansor Manunggang Julu Padangsidempuan) (Doctoral Dissertation, IAIN Padangsidempuan).
- Hornby, A. S., Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English, Sally Wehmeier (Ed.), Oxford: Oxford University Press, 6th Edition, 2000
- <https://www.sinarharian.com.my/article/30225/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Trend-penjawat-awam-pinjam-ah-long>. Diakses pada 15 Nov 2021.
- Ibnu Manzur. (2001). *Lisān al-ʿArab lil iman al-alamat Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad bin Makram*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ipandang dan Andi Askar. (2020). Konsep riba dalam fiqh dan al-Qur'an : Studi komparasi. *Jurnal Penelitian Hukum dan Pendidikan*, 19 (2), 1080-1090.
- Kamus Dewan*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khadijah, Khadijah (2016) *Pengaruh Pengetahuan Guru Pesantren Musthafawiyah Purba Baru Tentang Perbankan Syariah Terhadap Motivasi Menabung Di Bank Syariah*. Undergraduate thesis, IAIN Padangsidempuan.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lailatul Istiqomah. 2020. Konsep Riba Dalam Al-Qur'an Dan Implikasinya Bagi Perekonomian. *An-Nisbah Jurnal Perbankan Syariah* 1(1), 73-88.
- Maslina Mohamed.(2015). Sikap Dan Kepatuhan Agama Dalam Pemilihan Perbankan Islam :Satu Kajian Rintis. *Proceeding National Research Seminar 2015 "Strengthening Scholarships Through Research*. 390-399.
- Mohd Faizal Rameli, Suhaida Mohd Amin , Norajila Che Man , Noorfazreen Mohd Aris , Nor Azlina Abd Wahab. (2019). Pengurusan Kewangan Islam dalam Kalangan Muslimpreneurs menurut Perspektif Ilmuwan Islam di Malaysia. *Online Research in Islamic Studies*,6 (Special Issue), 79-85.

- Mohd Zaini Samsu Hadi. (2018). DPEIN Platform Orang Islam Bebas Hutang Riba. <https://malaysiagazette.com/2018/07/15/dpein-platform-orang-islam-bebas-hutang-riba/>. Diakses pada 28/10/2021
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Ikhlās Rosele Luqman Hj. Abdullah Nor Fahimah Mohd Razif. (2018). Hadith Riba Dalam Kitab ‘Umdah Al-Ahkam: Analisis Perspektif Fiqh. *Jurnal ‘Ulwan*, 1, 11-19.
- Munir Hasan. (2020). Bahaya Riba dalam Ekonomi dan Sosial. *MADZAHIB*, 1(1).
- Nor Amira Shafinaz, Mushaddad (2018) *Awareness on Content of Aqad In Islamic Financial Contracts Among Secondary School Teachers in Padang Terap, Kedah*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia
- Norunnajjah Ahmat, Mohd Safari Sarodin. (2016). Tahap Kesedaran Penjawat Awam Islam Terhadap Kepentingan Takaful Hayat. *Journal of Human Capital Development*, 9 (2), 135-148.
- Pallant, J. 2007. *SPSS survival manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. Edisi ke 3. Sydney Australia: Allen & Unwin.
- Putra, R. D. (2019). Analisis Pengaruh Pengetahuan Riba Dan Sikap Kepada Bank Syariah Terhadap Intensi Menjadi Nasabah Bank Syariah (Studi Kasus Pada Mahasiswa STIE Indonesia Banking School) (Doctoral dissertation, STIE Indonesia Banking School).
- Razak, M. I. M., Idris, R., Yusof, M. M., Jaapar, W. J. & Ali, M. N. (2013). Acceptance Determinants towards Takaful Products in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3 (17), 243-252.
- Suhaila Sharul Anuar. 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/273436/jumlah-penjawat-awam-munasabah-kppa>. Diakses pada 4/11/2021
- Syarif, M. I. (2011). Konsep Riba dalam Alquran dan Literatur Fikih. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 3(2), 293-312.
- Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2019. Tahap Kepuasan Muallaf Terhadap Pengurusan Kelas Bimbingan Agama Islam Kelantan (MAIK). *Jurnal Al-Hikmah*, 11(2), 88-98.
- Zaharudin Abd Rahman. 2016. Riba Punca Kehidupan Tidak Berkat. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/10/199979/riba-punca-kehidupan-tidak-berkat>. Di akses pada 3/11/2021